

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/1/2011

Bukti keangkuhan DAP – Pak Lah

w f,AJ| WktO-OW

Dulu DAP tuduh UMNO sombong, angkuh. Tetapi tengoklah, rupa-rupanya mereka yang angkuh

- TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI
Bekas Perdana Menteri

KEPALA BATAS 10 Jan. - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi mengutuk tindak-tanduk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik ketika menyertai operasi menyita sebuah restoran nasi kandar baru-baru ini yang disifatkannya sebagai angkuh.

Abdullah menegaskan, walaupun pada satu tahap, Wei Aik berpandangan restoran berkenaan mungkin melakukan kesalahan tertentu, wakil rakyat DAP itu tidak sepatutnya bertindak sendirian dengan sesuka hati mencampuri urusan penguatkuasaan.

"Dulu DAP tuduh UMNO sombong, angkuh. Tetapi tengoklah, rupa-rupanya mereka yang angkuh," katanya kepada pemberita selepas

merasmikan Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas di sini hari ini. Turut hadir Pengerusi Majlis Ama-

nah Rakyat (Mara), Datuk Seri Idris Jusoh; ADUN Pinang Tunggul, Datuk Roslan Saidin dan ADUN Bertam, Zabariah Wahab.

Ahad lalu, Restoran Syed Kassali Mohamad Aliyar di Lebu Maccalum kecoh apabila kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang merampas kerusi, meja, televisyen serta peralatan lain yang terdapat di dalam premis tersebut.

Sebelum restoran berkenaan didatangi penguat kuasa, berlaku satu kemalangan melibatkan dua buah kereta berhampiran restoran itu kira-kira pukul 10.10 malam.

Sebuah kereta yang dipandu seorang wanita tua merempuh sebuah kereta lain yang dinaiki sepasang suami isteri sebelum terbabas sehingga ke kawasan kaki lima restoran berkenaan.

Tidak lama kemudian, Wei Aik bersama-sama kakitangan MPPP 'menyerbu' restoran berkenaan dan didakwa mengeluarkan kata-kata keasat termasuk berunsur perkauman kepada pemilik restoran berkenaan.

Tindakan Setiausaha Politik Ketua Menteri, Lim Guan Eng itu mendapat kecaman pelbagai pihak ter-

masuk Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) manakala Pemuda UMNO pula menyifatkan ia tidak ubah seperti perbuatan mafia.

Abdullah yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas berkata, Wei Aik sepatutnya merujuk kepada pihak berkuasa bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan dilakukan mengikut peruntukan undang-undang.

"Di mana-mana pun kita sudah ada peraturan yang ditetapkan, kena ikutlah peraturan itu. Bukan boleh bertindak dan buat sesuka hati, tindakan Wei Aik itu tidak kena cara," tegasnya.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas, semalam.